



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI TVET POLYCC 2023

PUTRAJAYA, 2 JUN 2023 - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada hari ini telah melancarkan Sambutan Hari TVET POLYCC 2023 dengan tema “TVET Pilihan Utama Kerjaya” yang disempurnakan oleh YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti di sini pada hari ini.

YBrs. Dr. Haji Zahari dalam ucaptamanya berkata beliau amat menyokong inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di peringkat jabatan mahupun institusi dalam memperkasa agenda TVET nasional kerana dalam melahirkan graduan berkemahiran dan berpengetahuan tinggi, warga POLYCC perlu berganding bahu untuk menjadikan TVET di Malaysia berpotensi untuk menjana peluang pekerjaan di samping mempraktiskan amalan industri.

‘Kita harus peka bahawa TVET ditubuhkan untuk memenuhi permintaan industri dan menggalakkan pembangunan ekonomi selaras dengan globalisasi, ekonomi berasaskan pengetahuan, pembangunan dalam teknologi dan mobiliti global tenaga kerja’, katanya lagi.

Pada program ini, seramai lapan (8) orang pensyarah dan pegawai serta 11 orang pelajar dari POLYCC telah mendapat Anugerah TVET Negara peringkat JPPKK 2023. Berikut merupakan senarai penerima anugerah tersebut:

Kategori Pensyarah / Pegawai

- | | |
|------------------------------------|---|
| 1. Dr. Norazlina binti Ahmad | Politeknik METrO Johor Bahru |
| 2. Noor Liza binti Ramli | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah |
| 3. Mohd Syafarim bin Md Ishak | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah |
| 4. Dr. Rossotah binti Selamat | Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah |
| 5. Mohamad Jeffri bin Ahmad | Langkawi Tourism Academy (LTA)
@ Kolej Komuniti Langkawi |
| 6. Mohd Yusof bin Yaakob | Kolej Komuniti Beaufort |
| 7. Ts. Ummu Hani binti Yusof | Kolej Komuniti Selayang |
| 8. Khairul Ashikhin binti Abdullah | Kolej Komuniti Chenderoh |

Kategori Pelajar

- | | |
|--|---|
| 1. Anis Salwa binti Senapi | Kolej Komuniti Kuala Kangsar |
| 2. Mohamad Zamirul Faez bin Mustapha | Kolej Komuniti Kuala Kangsar |
| 3. Nur Fahira Adalia binti Annuar | Kolej Komuniti Kuala Kangsar |
| 4. Muhammad Rizqin Husnan bin Junan | Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) |
| 5. Celest Ng | Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) |
| 6. Luqman Hakim bin Ahmad Rashidi | Politeknik Nilai (PNS) |
| 7. Muhammad 'Adziem bin Wazi | Politeknik Merlimau Melaka |
| 8. Dhineswaran Jayakumar | Langkawi Tourism Academy (LTA)
@ Kolej Komuniti Langkawi |
| 9. Salahuddin Ahmad Kamsin | Kolej Komuniti Sungai Petani |
| 10. Muhamad Fikri bin Kamaruzaman | Kolej Komuniti Chenderoh |
| 11. Nur Balqis Sofea binti Mohamed Bakri | Kolej Komuniti Chenderoh |

Turut hadir pada majlis ini ialah YBrs. Ts. Haji Muhamad Rumzi bin Mamat, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), YBrs. Ts. Abdul Razak bin Sabtu, Pengarah Bahagian Governan dan Kecemerlangan yang menanggung kerja sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Governan), YBrs. Ts. Zainab binti Othman, Pengarah Kanan (Kompetensi), Pengarah-pengarah Bahagian, pengarah-pengarah POLYCC serta warga JPPKK.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**